

Berita KUIIM

Mei 2003

Edaran Dalam Sahaja

Kelahiran INFAD di bawah bumbung KUIIM

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dirasmikan oleh YBhg Brig. Jen (B) Dato' Seri Abdul Hamid Haji Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 26hb Mei 2003 di Palace of the Golden Horses.

Matlamat dan aktiviti INFAD tertumpu kepada aspek penyelidikan, penerbitan, perundangan dan pengurusan fatwa dan aspek-aspek lain yang ada hubungan dengan fatwa sahaja. Penubuhan INFAD adalah selaras dengan perancangan KUIIM untuk mewujudkan pusat kecemerlangan dan ini juga selari dengan Akta Universiti Kolej (Akta 30) dan Perlembagaan KUIIM yang membenarkan penubuhan institut di samping penubuhan fakulti. Penubuhan INFAD juga adalah seiring dengan matlamat penubuhan KUIIM iaitu bagi meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.

Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor selaku pengasas INFAD berkata "Ketiadaan pengurusan fatwa yang tersusun sering menimbulkan kekeliruan dan perselisihan di kalangan umat Islam di Malaysia. Justeru, penubuhan INFAD akan memantapkan lagi institusi fatwa di Malaysia di samping menjadi pusat rujukan global berkaitan dengan pengurusan dan penyelidikan fatwa oleh negara-negara Islam yang lain."



Di atas aspirasi ini penubuhan INFAD diharapkan dapat memperkasakan aktiviti penyelidikan, perundangan dan pengumpulan maklumat fatwa di Malaysia dan di seluruh dunia. Untuk mencapai matlamat ini, INFAD memerlukan kerjasama dan interaksi daripada institusi lain berkaitan fatwa melalui perkongsian pintar dan dialog intelek dengan tokoh-tokoh ilmuan dari dalam atau luar negara yang akan dilakukan dari masa ke semasa.

Penubuhan institusi ini tepat pada masanya dan diharapkan dapat menyumbang ke arah penyelesaian pelbagai-bagai masalah ummah. Diharapkan juga INFAD akan menjadi Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa yang terunggul dan tempat rujukan maklumat fatwa di dalam dan di luar negara.

Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam

Selaras dengan usaha kerajaan dalam gerakan memantapkan agensi perkhidmatan awam di Malaysia, Kementerian Pendidikan telah memutuskan agar Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam dibaca di semua peringkat Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawah kementerian ini. Sehubungan dengan itu, KUIM telah mengadakan satu sesi pembacaan ikrar pada 29 Mei 2003 bertempat di Bilik DK4, Tingkat 10, Menara B Persiaran MPAJ. Sesi pembacaan ikrar ini dihadiri oleh 250 orang kakitangan KUIM.

Bacaan ikrar ini telah diketuai oleh Pendaftar KUIM, Tuan Haji Addenan Abd. Rahman. Secara umumnya, kandungan ikrar ini bertujuan memperkukuhkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membenters segala bentuk rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan yang biasanya berlaku di dalam urusan perkhidmatan awam. Berdasarkan kandungan ikrar tersebut pegawai awam harus berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah; menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah; bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan; bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah; bertindak tegas terhadap mereka yang mencuba menggugat integriti dan imej pegawai awam; dan mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas. Program pembacaan ikrar ini telah dianjurkan oleh pihak Bahagian Latihan, PTK dan Peperiksaan, Bahagian Sumber Manusia, KUIM.

MoU Pertama Antara IPTA



Majlis menandatangani MoU di antara KUIM dengan UKM, UUM dan UIAM ini berlangsung di Hotel Pan Pacific pada 29 Mei 2003. Majlis MoU ini mencatat sejarah pendidikan negara kerana ia merupakan MoU pertama yang ditandatangani di antara IPTA-IPTA di Malaysia. Ini kerana kebiasaannya MoU ditandatangani antara IPTA dan IPTS.

Satu hubungan yang khas dan rapat bakal diwujudkan di antara KUIM dengan tiga universiti tersebut di dalam aspek latihan, perundingan, penyelidikan dan pembangunan, penganjuran seminar, pertukaran staf dan pelajar dengan termeterainya perjanjian persefahaman ini. Perjanjian persefahaman ini menyaksikan inisiatif KUIM dalam memantapkan jenteranya dengan mewujudkan perjanjian persefahaman yang memberi keuntungan kepada dua belah pihak. KUIM menandatangani MoU berasingan dengan UKM, seterusnya dengan UUM dan juga UIAM di dalam majlis khas ini.

Tetamu-tetamu kehormat dari keempat-empat buah IPTA dijemput bagi menyempurnakan harapan yang terkandung di dalam MoU tersebut. Naib Canselor atau Rektor dan Pendaftar dari ketiga-tiga IPTA menandatangani MoU berasingan dengan YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin selaku Rektor dan disaksikan oleh Tuan Haji Addenan Hj. Abd. Rahman, Pendaftar KUIM. Majlis ini turut disaksikan oleh Pengerusi KUIM, YBhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor. Beliau berharap KUIM sebagai universiti yang masih muda mendapat bantuan dan sokongan dari universiti-universiti yang telah 'establish' seperti UKM, UUM dan UIAM sendiri kerana pemilihan universiti ini dibuat dengan melihat kepada kredibiliti yang ada pada universiti-universiti tersebut.

Kaedah pengajaran Al-Quran dan tahfiz perlukan perubahan

Realiti dan Masa Depan Pengajaran dan Tahfiz al-Quran di Malaysia" merupakan tema Seminar Tahfiz dan Qiraat al-Quran peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) pada 17 Mei lalu di Dewan MPAJ. Tema ini dipilih untuk membincangkan dengan mendalam masa depan pengajaran dan tahfiz al-Quran di Malaysia dengan melihat ke beberapa sudut.

Seminar ini bertujuan untuk mendapatkan input-input mengenai pelbagai metod bacaan dan pengajaran tahfiz yang telah digunakan secara meluas di Malaysia. Ini berikutan terdapat pelbagai kaedah bacaan al-Quran di Malaysia seperti *al-Baghdadiyah*, *Al-Muyassar*, *Qiraati*, *Iqra'*, *al-Barqi*, *Kalam* dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, kaedah bacaan dan pengajaran tahfiz al-Quran yang sistematik dan kemas metodologinya harus dikenal pasti sebagai elemen penting dalam memartabatkan pengajaran al-Quran pada masa kini dan masa hadapan. Dengan itu, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, KUIM telah mengambil inisiatif untuk mengupas kaedah pembacaan dan pengajaran tahfiz al-Quran mengikut keperluannya.

YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin selaku Rektor KUIM merasmikan seminar satu hari yang bertempat di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya ini. Dato' Rektor dalam ucapannya dalam sidang media berharap dengan pengajaran seminar seperti ini dapat membuka mata banyak pihak bahawa aktiviti-aktiviti keagamaan seperti tidak hanya untuk suka-suka tetapi ia dipandang dalam persepsi yang berbeza dalam membawa Islam selari dengan perkembangan sains dan teknologi semasa. Islam tidak seharusnya dipinggirkan dalam arus kemodenan dunia, tetapi diharapkan keutuhan Islam masa kini dapat membangkitkan kegemilangan Islam seperti di zaman rasulullah dahulu di mana Islam dan al-Quran sendiri dijadikan rujukan / pusat ilmu agama-agama lain.

Seminar sehari ini dihadiri hampir seratus orang peserta yang terdiri daripada wakil institusi pengajian tinggi tempatan, ahli akademik, pengusaha Maahad Tahfiz dan juga para pelajar kolej dan universiti tempatan termasuklah juga peserta dari Singapura.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dengan kerjasama Bahagian Hal-Ehwal Pelajar (HEP) dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) Kementerian Penerangan Malaysia mengadakan program Operasi Khidmat Masyarakat 2003 (OPKIM) di Kampung Segal Lama, Raub, Pahang. Program 7 hari ini bermula pada 16 Mei 2003 dan berakhir pada 22 Mei 2003 yang bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan antara mahasiswa dengan masyarakat luar di samping memperkenalkan KUIM kepada masyarakat setempat.


77 orang peserta OPKIM mengambil bahagian dalam penganjuran dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan semua lapisan masyarakat kampung. Antara aktiviti-aktiviti menarik yang dijalankan ialah Forum Perdana Ehwal Islam, Pertandingan Berzanji Peringkat Mukim, Pameran Pendidikan bersama Agensi-agensi dan tidak ketinggalan sukan rakyat.

Majlis Perasmian dan Penutupan OPKIM 2003 ini disempurnakan oleh YB Ir. Haji Mohd Soffi bin Tan Sri Haji Abd Razak, Adun Kawasan Bentan, Pahang pada 22 Mei 2003 di Pentas Utama, Padang Kg. Segal Lama, Raub, Pahang. Pada majlis ini juga turut dilakukan penyerahan derma Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia oleh YB Ir. Haji Mohd Soffi bin Tan Sri Haji Abd Razak kepada Wakil Belia Negeri Pahang untuk pengisian Tabung Keamanan Malaysia.

Di samping itu juga, peserta OPKIM melaksanakan kajian Pelan Pembangunan Kampung (PKK). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang terbiar di sekitar kampung serta menganalisa masalah-masalah yang wujud dan seterusnya para mahasiswa menggabungkan idea-idea yang sesuai dan mencadangkannya pada masyarakat kampung dalam mengatasi permasalahan tersebut. Ia adalah sumbangan kecil mahasiswa KUIM sebagai pemimpin masa hadapan yang prihatin terhadap apa yang berlaku di sekitar mereka.



**OPKIM:
Program Mahasiswa
bersama Masyarakat**



Hari ini dalam sejarah...

5 Mei - Mesyuarat Pemilihan Pelajar di Port Dickson
7 Mei - Majlis Penyerahan Cek Kutipan Iraq di Kementerian Pendidikan
7 Mei - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan ICT IPTA di Kuitto
12 Mei - Mesyuarat Pendaftar-pendaftar 3/2003 di Menara A, MPAJ
16 - 22 Mei - Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM) MPPKUIM di Kg. Sega Lama, Raub, Pahang
17 Mei - Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan di Dewan MPAJ
21 Mei - Pemeriksaan Bajet Mengurus Tahun 2003-2005 di JPT
22 Mei - Mesyuarat Penyelarasan Urusan Pinjaman Pendidikan Mei/Jun 2003 di Wisma Chase Perdana
26 Mei - Perasmian Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) di Palace of the Golden Horses
26 Mei - Majlis Perasmian Bilik Latihan Kecergasan dan Kesihatan di Menara B, MPAJ
27 & 28 Mei - Program Taaruf Staf Baru
28 Mei - Ceramah Pengurusan Kualiti di Menara A, MPAJ
29 Mei - Program Tazkirah Syahriyyah di Menara B, MPAJ
29 Mei - Pembacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam di Menara B, MPAJ
29 Mei - Majlis Menandatangani MOU di antara KUIM dengan UKM, UUM dan UIAM di Pan Pacific

Senarai Penempatan Pegawai Tadbir

- Encik Mohd Asri Husain – Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Puan Monaliza Laundang – Bahagian Akademik (Pengambilan & Peperiksaan)
- Puan Marina Yusop – Bahagian Pentadbiran Am
- Encik Md. Ishah bin Rahman – Bahagian Sumber Manusia (Pengurusan)
- Encik Hammad Farhi Mohd Saudi – Jabatan Canselori
- Cik Nur Adlina Hj. Addenan – Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Encik Ahmad Kamal Mustafa – Unit Pembangunan
- Cik Dini Farhana Baharudin – Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam
- Encik Mohd Tahir Zainuddin – Unit Kenderaan dan Keselamatan
- Puan Salmah Mohamad – Bahagian Sumber Manusia (Perkhidmatan)
- Puan Wan Fauriah Wan Samad – Fakulti Syariah dan Kehakiman
- Encik Mazlan Nawang – Hal Ehwal Pelajar
- Encik Mohd Salehudin Sukor – Bahagian Sumber Manusia (Latihan, PTK & Peperiksaan)
- Cik Noorfazira Zainol Rashid – Unit Perhubungan Awam
- Encik Nasrul Hakim Ahmad – Bahagian Akademik (Unit Senat dan Pengijazahan)
- Cik Nor Hayati Adam – Bahagian Akademik (Pusat Pengajian Siswazah/INFAD)
- Cik Noraini Abd. Jalil – Unit Perancangan Korporat dan Pengantarabangsaan (Pengajian Umum)
- Cik Suriyati Ismail – Unit Pengurusan Kualiti (Pengajian Bahasa)

Mesyuarat Pendaftar 3/2003

Pada 12 Mei lalu KUIM dengan jayanya telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Pendaftar-pendaftar Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) di Seluruh Malaysia. Mesyuarat yang diadakan pada setiap 2 bulan ini membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu pentadbiran dan akademik secara keseluruhan. Hasil daripada mesyuarat ini akan menjadi keputusan yang penting dan panduan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran setiap universiti. Mesyuarat yang dirasmikan oleh Dato' Rektor ini kemudiannya telah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang belum ditetapkan di mana Kolej Universiti Kejuruteraan pula akan menjadi tuan rumah.

Majlis penyerahan cek untuk mengisi Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq telah diadakan di Kementerian Pendidikan Malaysia pada 7 Mei 2003. YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Rektor KUIM telah menyampaikan cek berjumlah RM4,001-40 kepada Menteri Pendidikan Malaysia, YB Tan Sri Musa Mohamed sebagai tanda prihatin warga KUIM terhadap nasib yang menimpa rakyat Iraq.



Tanggal 26 Mei, Unit Sukan dan Rekreasi HEP KUIM telah melancarkan Gimnasium Latihan Kecergasan dan Kesihatan KUIM. Majlis perasmian gimnasium tersebut disempurnakan oleh YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin, Rektor KUIM.

Gimnasium KUIM yang menelan belanja hampir RM178,000 ini disediakan bagi menggalakkan warga universiti KUIM agar sentiasa mengamalkan cara hidup sihat selaras dengan tuntutan bahawa badan yang cergas akan melahirkan minda yang sihat.

Semoga dengan pelancaran gimnasium tersebut akan melahirkan individu yang cergas dan sihat dan mampu meningkatkan produktiviti dan daya saing yang tinggi kepada KUIM satu hari kelak.

Diterbitkan oleh Pejabat Perhubungan Awam KUIM
Tel: 03-42892094/2157
Faks: 03-42892153
E-mail: fazira@admin.kuim.edu.my

Gym KUIM